

PM: Jangan harap hidup mewah seperti dulu

1 - MARI 1985

PULAU PERHENTIAN (Besut) 28 Feb. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat bahawa mereka tidak boleh mengharapkan untuk hidup mewah seperti tahun-tahun 60an dan 70an.

Perdana Menteri menegaskan hakikat itu tidak bererti Malaysia akan mengalami satu keadaan yang dahsyat tetapi cuma tidak mewah seperti dahulu.

Bercakap kepada para pemberita di sini selepas mengakhiri lawatan tiga hari ke Terengganu, beliau juga tidak mahu rakyat mengharapkan kadar pertumbuhan ekonomi negara berada pada paras 8 hingga 10 peratus, khususnya dalam keadaan ekonomi sekarang.

Katanya: "Kadar itu tidak mungkin dicapai kecuali kita giatkan pengeluaran".

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri yang diiringi oleh Menteri Besar, Datuk Sri Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad serta pegawai-pegawai kanan kerajaan disambut meriah oleh kira-kira 30 buah bot nelayan yang berarak di sekitar Pulau Perhentian.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang kelihatan gembira berada di pulau ini telah memandu sendiri bot laju bersama dengan beberapa buah bot lain petang semalam.

Beliau juga menemui nelayan-nelayan dan bertanya khabar tentang masalah yang dihadapi dalam satu perjumpaan dengan jawatankuasa kemajuan kampung di sini.

Kata Perdana Menteri, kedudukan kewangan negara tidak memuaskan kemungkinannya sehingga tahun 1985 dan kerana itu rakyat tidak boleh mengharapkan untuk hidup mewah seperti dahulu.

Bagaimanapun, jelasnya, kakitangan kerajaan yang belum mempunyai rumah masih boleh membuat pinjaman kerana pembekuan hanya dikhaskan bagi mereka yang ingin membeli lebih dari sebuah rumah dan tidak boleh digunakan untuk pembinaan atau membaiki rumah.

Semasa bercakap dengan para pemberita, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyebut perkara-perkara berikut:

- * Rancangan persyarikatan Malaysia - supaya kerajaan dan pegawai-pegawainya tidak boleh berkonfrontasi dengan syarikat swasta.

Konsep ini memerlukan kerjasama dan tolong menolong bagi mencapai kemajuan.

- * Malaysia akan hadir di sidang negara-negara berkecuali di New Delhi minggu depan dan Malaysia tetap teguh dengan pendiriannya mengenai Kampuchea, iaitu semua tentera asing perlu berundur dari negara tersebut.

- * Malaysia terpaksa menerima pendatang haram Vietnam kerana masih ada negara-negara ketiga yang hendak menerima mereka dan perbelanjaan untuk mereka juga tidak melibatkan wang negara.